

## **Warga S'pura punya keyakinan tinggi terhadap badan, institusi agama di sini**

***Berita Harian***, 29 March 2019

MAJORITI warga Singapura meletakkan keyakinan tinggi terhadap badan dan institusi agama di sini.

Menurut dapatan Kertas Kerja Institut Kajian Dasar (IPS) mengenai Agama di Singapura: Lingkungan Orang Awam dan Privet, sebanyak 52.8 peratus responden menzahirkan keyakinan penuh atau tinggi terhadap badan agama yang berbeza.

Malah, hasil keseluruhan menunjukkan bahawa majoriti warga Singapura memandang tinggi institusi keagamaan dan mempunyai tahap keyakinan yang tinggi terhadap keupayaan institusi tersebut.

Bagi mengukur tahap keyakinan mereka, responden diminta memberikan tahap keyakinan mereka terhadap lima institusi awam besar.

Ini termasuk sistem pendidikan dan sekolah, Parlimen Singapura, perniagaan, serta masjid, gereja, kuil dan badan agama.

Berdasarkan dapatan itu, penganut Hindu muncul sebagai masyarakat yang mempunyai kepercayaan paling tinggi terhadap badan-badan agama dengan lebih 76 peratus berpendapat demikian, diikuti warga Singapura beragama Islam (69.3 peratus) dan Katolik (66.2 peratus).

Masyarakat Buddha dan mereka yang tidak menganut sebarang agama mencatatkan tahap keyakinan terendah terhadap badan-badan agama.

Dapatan tersebut turut menunjukkan bahawa jumlah responden yang meletakkan kepercayaan tinggi terhadap badan agama serupa dengan jumlah yang berpandangan demikian tentang Parlimen Singapura.

Namun, jumlah tersebut kurang berbanding lebih 60 peratus responden yang meletakkan keyakinan tinggi terhadap sistem perundangan, mahkamah dan sekolah.

Menerusi dapatan itu juga, warga Singapura didapati mempunyai tahap keyakinan yang rendah bagi sektor perniagaan dan perusahaan.

Dapatan tersebut adalah berdasarkan data Singapura hasil Penyelidikan Program Kajian Sosial Antarabangsa berkaitan Agama yang dilakukan tahun lalu ke atas pelbagai negara.

Pandangan seramai 1,800 warga Singapura dikumpulkan melalui tinjauan tersebut, di mana mereka ditanyakan soalan mengenai kepercayaan agama, tahap keagamaan dan peranan agama dalam lingkungan awam dan privet.